

**Manifesto BN Wilayah Persekutuan tingkat kualiti hidup rakyat
Utusan Online
20 April, 2013**

PUTRAJAYA 19 April - Manifesto Barisan Nasional (BN) di Wilayah Persekutuan perlu dilaksanakan untuk membawa perubahan kepada kualiti kehidupan rakyat pada masa hadapan.

Perkara itu diakui oleh penduduk Putrajaya ketika ditemui *Utusan Malaysia* dalam satu tinjauan di pusat beli-belah Alamanda di sini hari ini.

Menurut **Dazlan Mamat**, 27, pelaksanaan manifesto tersebut dapat membantu memperbaiki kehidupan warga Wilayah Persekutuan yang sering dikaitkan dengan kos sara hidup yang tinggi.

"Manifesto berkenaan perlu mencakupi semua golongan terutamanya golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

"Langkah itu adalah untuk memastikan tiada yang ketinggalan pada masa hadapan," kata kakitangan swasta itu.

Beliau mengulas mengenai empat teras manifesto yang dilancarkan BN untuk kesejahteraan penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, malam semalam.

Empat teras itu ialah kesejahteraan warga kota, objektif pembangunan mapan, tiada yang tertinggal dan anjakan ekonomi warga kota.

Sementara itu, **Nurhafiza Azhari**, 27, pula mahukan manifesto berkenaan dilaksanakan mengikut perancangan dan bukan janji kosong semata-mata.

Kakitangan awam itu berkata, kualiti kehidupan warga kota sememangnya perlu diberi perhatian oleh kerajaan sejak dahulu lagi.

"Kos sara hidup semakin meningkat, jadi pengawalan harga barang keperluan harian perlu diberikan keutamaan juga kerana rakyat mahu kerajaan menangani masalah tersebut," katanya.

Berkongsi pendapat sama, **Hafeeza Ali**, 40, sangat berpuas hati jika kerajaan melaksanakan manifesto tersebut demi kesejahteraan rakyat.

"Isu kenaikan harga barang bukan sahaja tertumpu pada soal barangan harian malah barangan lain seperti harga kaca mata yang berbeza di kebanyakan tempat," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130420/px_42/Manifesto-BN-Wilayah-Persekutuan--tingkat-kualiti-hidup-rakyat#ixzz2ZuR33MAf

© Utusan Melayu (M) Bhd